

No Rujukan : IRDA/HCBPO/0431/2010(1)  
Tarikh : 3 Mei 2010

Bahagian Sumber Manusia

**SESI PEMBENTANGAN MENGENAI KADAR PENDAPATAN MINIMUM DAN ISU-ISU YANG BERKAITAN DI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Pihak kami ingin menjemput pihak tuan untuk menghadiri jamuan tengah hari dan seterusnya mengadakan perbincangan mengenai amalan terbaik dalam pengurusan sumber manusia. Pihak kami juga telah menjemput wakil daripada Jabatan Tenaga Kerja dan perunding daripada OSR Sdn. Bhd untuk memberi taklimat seterusnya dapat berkongsi maklumat mengenai kadar pendapatan minimum serta isu-isu yang berkaitan di wilayah Iskandar Malaysia dengan majikan-majikan yang turut hadir. Maklumat mengenai tarikh, tempat dan aturcara adalah seperti berikut:


Tarikh : 06 Mei 2010 (Khamis)  
Tempat : Kelebang Pari, Tingkat 3, Pejabat IRDA  
Aturcara : 1.00 – 2.30 ptg  
*Jamuan Tengah Hari dan Amalan Terbaik dalam Pengurusan Sumber Manusia*

3. Oleh yang demikian, diharap pihak tuan dapat mengisi borang pengesahan kehadiran (Lampiran A) dan hantar melalui emel atau faks di talian 07-233 3001 pada 5 Mei 2010 (Rabu). Kerjasama dari pihak tuan amatlah dihargai. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- a. Encik Mohd Shahril Aman, IRDA  
(Emel: [shahril@irda.com.my](mailto:shahril@irda.com.my), Tel: 07-233 3154)
- b. Cik Hamidah Anuar, IRDA  
(Emel: [hamidah@irda.com.my](mailto:hamidah@irda.com.my), Tel: 07-233 3105)

Sekian, terima kasih  
**"Berkhidmat Untuk Negara"**

Yang Benar,  
**PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN WILAYAH ISKANDAR**



**Nor Hisham Hussein**  
Ketua Jabatan Pembangunan Sosial

**PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR**



LAMPIRAN A

PENGESAHAN KEHADIRAN KE SESI PERBINCANGAN DAN JAMUAN TENGAH HARI ANJURAN  
PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN WILAYAH ISKANDAR

Saya, .....wakil daripada.....  
(nama) (nama majikan)  
dengan ini mengesahkan untuk menghadiri / tidak menghadiri perbincangan di atas.

.....  
Tandatangan

Telefon bimbit : .....

.....  
Tarikh

Sila lengkapkan borang pengesahan dan hantar melalui emel atau faks di talian 07-233 3001 pada **5 Mei 2010 (Rabu)**

---